



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**KENYATAAN MEDIA MENGENAI LARANGAN MEDIA MEMBUAT LIPUTAN
SEMASA PERBICARAAN KES DI MAHKAMAH PUTRAJAYA**

Pejabat ini merujuk kepada laporan akhbar dan kenyataan oleh Kesatuan Kebangsaan Wartawan Semenanjung Malaysia (NUJM) mengenai larangan media membuat liputan semasa perbicaraan kes Orang Kena Saman (OKS) Nurul Hidayah binti Ahmad Zahid dan Saiful Nizam bin Yusoff bagi kesalahan pelanggaran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di hadapan Majistret Mahkamah Putrajaya.

Semakan telah dibuat oleh Pejabat ini, dimaklumkan bahawa tiada larangan untuk pihak media membuat liputan pada hari tersebut. Pada hari berkenaan, selain daripada kes OKS tersebut, terdapat kes-kes lain yang telah ditetapkan dan dihadiri oleh pegawai pendakwaan, pegawai polis dan orang awam menyebabkan Mahkamah Terbuka sesak dan tidak terdapat penjarakan sosial. Mahkamah telah mengarahkan agar orang awam yang berada di dalam Mahkamah Terbuka untuk keluar bagi memastikan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi. Mahkamah juga tidak sedar akan kehadiran pihak media yang membuat liputan pada hari tersebut. Oleh itu tiada isu pihak media dihalang untuk membuat liputan. Mahkamah sentiasa memastikan akses kepada keadilan dilaksanakan kepada semua pihak termasuk pihak media.

Berkenaan dengan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Majistret terhadap Puan Lisa Christina a/p Balan, Mahkamah Tinggi telah menggunakan kuasa semakannya dengan menggantikan hukuman penjara kepada denda.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman, Putrajaya

6 Mei 2020